

Rayu wakil rakyat suarakan masalah Labuan di Parlimen

Sohan Das

LABUAN: Wakil rakyat di sini perlu bersuara di Parlimen mengenai “kebimbangan utama” pulau itu berhubung peraturan Kastam baharu yang mengawal penjualan barangan bebas cukai kerana langkah berkenaan akan menjejaskan lagi ekonomi setempat yang lembap yang disebabkan oleh penyusutan sektor minyak dan gas.

Peraturan baharu itu dikuatkuasakan bermula 1 November lalu.

“Kami telah mengemukakan pandangan kami menerusi pelbagai saluran dan amat dikesali suara Labuan tetap tidak didengari oleh Jabatan Kastam dan Kementerian Kewangan,” kata Pengerusi Dewan Perdagangan Cina Labuan, Datuk Wong Kii Yii.

Lebih dikesali, tambahnya, Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan bagi menangani masalah Labuan, yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamidi, nampaknya akan berada dalam kedudukan lemah walaupun ia amat mengetahui bahawa dengan membuang status bebas cukai akan memburukkan lagi masalah pulau tersebut.

Wong berkata, Menteri Wilayah Persekutuan Labuan

Wong berkata, maklum balas daripada lawatannya itu mendapati peniaga mengadu kehadiran pegawai-pegawai Kastam tanpa uniform di premis mereka dilihat sebagai satu halangan dan jualan menjunam dengan mendadak.

“Peraturan baharu memerlukan semua jualan direkodkan dalam komputer oleh seorang pegawai Kastam dan perincian pembelian juga direkodkan menampakkan semua pengguna adalah penyeludup,” katanya.

Seorang penduduk meluahkan kemarahannya menerusi satu mesej di *WhatsApp* dengan mengatakan:

“Lawak jenaka paling lucu di Labuan. Kedai bebas cukai ada pegawai Kastam ditempatkan untuk merekodkan jualan.. tidak ada kerja lain jadi bazir duit untuk pekerja. Sangat lucu.

“Penyeludupan berleluasa di mana-mana saja di Malaysia dan bukan sahaja di kawasan bebas cukai. Anda boleh beli daripada pembekal bawah tanah di Kuala Lumpur pada harga bebas cukai campur caj penghantaran.”